

03 NOV 1996

G-15 - WTO

JANGAN MASUKKAN ISU BARU KE DALAM WTO, KATA G-15

By: Kuah Guan Oo

HARARE, 3 Nov (Bernama) -- Kumpulan 15 negara membangun, G-15 memulakan sidang kemuncak tiga hari mereka di sini dengan seruan kepada negara-negara maju supaya jangan memasukkan sebarang isu baru ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada mesyuarat peringkat menteri pertubuhan itu di Singapura bulan depan.

Pengerusi perkumpulan berkenaan, Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe ketika merasmikan sidang kemuncak itu berkata, mereka berpendapat adalah tidak wajar membebankan WTO dengan isu-isu baru sedangkan isu-isu yang telah dipersetujui masih belum dilaksanakan.

"Taktik paksaan dan tekanan yang digunakan oleh negara-negara maju telah mengesahkan pendapat kita sebelum ini bahawa kita dipaksa menerima perjanjian yang akhirnya akan membawa kepada kehilangan kedaulatan sendiri," kata Presiden Mugabe.

Beliau berkata, dalam proses merangka satu agenda perdagangan antarabangsa, WTO seharusnya menumpukan perhatian kepada usaha memperbaiki sistem perdagangan pelbagai hala yang sedia ada untuk menjadikannya lebih adil dan seimbang.

Sentimen pemimpin Zimbabwe itu turut disuarakan oleh tiga pemimpin lain yang berucap di sesi itu -- Presiden Hosni Mubarak dari Mesir yang bercakap bagi pihak Afrika, diikuti oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk Asia dan Naib Presiden Carlos Ruckauf dari Argentina bagi pihak rantau Amerika Selatan dan Carribean.

Presiden Mubarak berkata kumpulan G-15 dan negara-negara membangun lain perlu bersuara secara kolektif bagi menentang kemasukan sebarang isu baru pada mesyuarat peringkat menteri WTO itu.

Dr Ruckauf berkata mesyuarat peringkat menteri WTO itu nanti perlu menetapkan satu program kerja untuk pertubuhan berkenaan yang mencerminkan kepentingan kesemua negara anggota dengan seimbang dalam pembentukan sistem perdagangan pelbagai hala untuk masa hadapan.

Sebelum itu, keempat-empat pemimpin itu turut menyentuh mengenai perlunya G-15 diperkukuhkan.

Presiden Mugabe, ketika mengulas mengenai kemerosotan minat dalam pelaksanaan pelbagai projek G-15 berkata, masa depan perkumpulan itu bergantung sebahagian besarnya kepada keupayaan mereka untuk melaksanakan projek-projek yang telah dipersetujui.

Beliau juga berkata demi kepentingan semua negara satu sistem perdagangan multilateral antarabangsa yang saling menguntungkan terus dibangunkan.

Secara praktikal perkongsian ini akan memerlukan kerjasama yang kukuh antara kerajaan negara-negara maju dan yang membangun dengan kordinasi lebih baik di kalangan institusi multilateral.

"Adalah terpulang kepada kita sekarang, kerana G-15 selaras dengan negara-negara membangun yang lain akan merancang strategi yang akan membawa dialog berkesan antara Utara dan Selatan," kata beliau.

Dalam hubungan ini, Presiden Mugabe berkata, amalan G-15 yang memerlukan pengerusinya sekarang menghantar perutusan kepada Kumpulan 7 Negara (G-7) perlu dikaji semula.

Selepas upacara perasmian, pemimpin-pemimpin itu kemudiannya mengadakan sesi pleno. Mereka akan melawat Pameran Perdagangan Zimbabwe lewat tengah hari ini dan kemudiannya majlis makan yang dianjurkan oleh Presiden Mugabe pada sebelah petang.

Mereka akan bertolak ke Victoria Falls esok untuk beristirahat dan pulang ke Harare selepas majlis penutup pada Rabu.

Daripada 15 negara itu, lima diwakili oleh ketua-ketua negara atau kerajaan: Mereka ialah Presiden Mubarak dari Mesir, Perdana Menteri India, Deve Gowda, Perdana Menteri Jamaica, J. Patterson, Dr Mahathir dan Presiden Mugabe.

Tiga yang mewakili ketua-ketua kerajaan ataupun negara ialah Perdana Menteri Algeria, Ahmad Ouyohia, Dr Ruckauf dan Perdana Menteri Senegal, Habib Thiam.

Dr Ruckauf yang berucap mewakili Amerika Selatan dan Caribbean berkata, oleh kerana tarikh persidangan itu yang bertindih dengan pesidangan kemuncak Ibero-Amerika yang memerlukan kehadiran mereka, Presiden Carlos Menem dari Argentina dan pemimpin-pemimpin lain rantau itu tidak dapat menghadiri persidangan G-15.

Chile diwakili oleh wakil peribadi Jorge Berguno; Indonesia oleh Menteri Luar Ali Alatas; Venezuela oleh wakil khas Werner Corrales; Mexico oleh Menteri Luar Jose Gurria. Sementara Nigeria dan Peru masing-masing diwakili oleh wakil, Brazil dilaporkan diwakili oleh Naib Presiden Marco Marciel. -- BERNAMA

KGO PR